

06/03/2000

Ku Li diminta pertimbang pencalonan Naib Presiden

KUALA TERENGGANU, Ahad - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah disaran mempertimbangkan cadangan beberapa Menteri Besar supaya menerima pencalonan jawatan Naib Presiden dalam pemilihan Umno, Mei ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Ismail Said, berkata cadangan itu baik untuk Tengku Razaleigh daripada meneruskan hasrat bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden.

Beliau berkata, langkah ini mampu mengurangkan ketegangan dan mengelak daripada berlakunya perpecahan dalam parti.

Justeru, katanya, Umno Terengganu bersedia menyokong Tengku Razaleigh bertanding jawatan itu.

"Malah Umno negeri juga sanggup berkempen supaya Umno bahagian di negeri ini turut mencalonkan Tengku Razaleigh untuk Naib Presiden," katanya.

Ismail berkata, sebagai negeri yang berjiran dan menghadapi masalah yang sama, lebih baik tenaga dan kewangan yang ada digunakan untuk menguatkan parti, sekali gus merampas Kelantan dan Terengganu daripada Pas.

Beliau berharap Tengku Razaleigh dapat menerima cadangan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain itu dengan hati terbuka.

"Saya tidak menaruh keraguan, malah yakin dengan cadangan tiga Menteri Besar itu ikhlas dan bukan bertujuan menghalang Tengku Razaleigh dari mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi"katanya.

Ismail berkata, Umno Terengganu juga boleh memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh termasuk berkempen bagi tujuan berkenaan.

"Malah, Umno negeri ini tidak keberatan menyokong Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden, tambahan pula tidak ada seorang calon dari negeri bercadang bertanding jawatan itu," katanya.

"Saya harap Tengku Razaleigh tidak memandang remeh cadangan tiga Menteri Besar itu, sebaliknya menimbangkannya secara serius," katanya.

(END)